

UMS pertahan kedudukan Kejohanan SIFE kebangsaan

DE 19-07-2012 7

KOTA KINBALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) sekali lagi mengulangi kejayaan tahun 2009 apabila mengungguli Kejohanan SIFE peringkat kebangsaan yang berlangsung di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) Kuala Lumpur pada 15-17 Julai lalu.

Pasukan SIFE UMS mengetepikan pesaing hebat dari Utara Malaysia (UUM), Universiti Malaysia Terengganu (UMT) dan Universiti Tenaga Nasional (UNITEN). Kejayaan ini sekaligus menyaksikan UMS akan bertanding mewakili Malaysia pada Piala Dunia SIFE yang berlangsung di Washington Amerika Syarikat pada 30 September hingga 2 Oktober depan.

Terdahulu, pasukan SIFE UMS yang diwakili oleh 13 pelajar telah berjaya mengatasi pasukan University of Nottingham Malaysia Campus dan bekas juara bertahan Universiti Teknologi Mara (UiTM) di peringkat separuh akhir.

Menurut peserta UMS, Diedre Eligius, projek-projek komuniti yang dibentangkan pasukan itu menarik minat para juri.

Katanya, antara projek yang dibentangkan terma-

suk usaha membantu komuniti di Kepulauan Mantanani dalam menjana pendapatan dan mengurangan sisa buangan di kepulauan tersebut.

Tambah beliau, usaha membangunkan proses bio-tenaga menggunakan najis lembu juga turut berjaya membuka mata para juri.

“Projek bio-tenaga ini dilaksanakan di Kampung Maridi, Ulu Sugut, Ranau dengan bimbingan Jabatan Kemajuan Haiwan dan Ternak Sabah. Ia bagi menjana tenaga elektrik untuk membantu mereka yang memerlukan,” tambahnya.

Sebanyak 29 pasukan dari seluruh Institut Pengajian Tinggi Awam dan Swasta menyertai acara tahunan anjuran Yayasan SIFE Malaysia itu. Penganjurannya antara lain bertujuan sebagai platform untuk mengetengahkan projek-projek jangkauan komuniti oleh pelajar-pelajar universiti di seluruh negara.

Majlis penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Dato' Saifuddin Abdullah.



SAIFUDDIN (tengah) merakam gambar kenangan bersama pasukan SIFE UMS